

Berita Sukan



KUKUM FT MENJADI TUMPUAN PASUKAN LIGA SUPER 2004

Pasukan bola sepak KUKUM iaitu KUKUM FT telah dipelawa untuk mengadakan perlawanan persahabatan dengan salah satu pasukan Liga Super 2004 iaitu pasukan Kedah di Stadium Darul Aman pada 7 Januari 2004 yang lalu. Dalam perlawanan tersebut pasukan KUKUM telah menunjukkan semangat berpasukan yang cukup tinggi walaupun berhadapan dengan sebuah pasukan yang cukup profesional. Walaubagaimanapun, KUKUM FT telah tumpas 0 - 6 kepada pasukan Kedah yang menurunkan pemain berpengalaman mereka seperti Akmal Rizal Rakhli penyerang kebangsaan, Rafdi Rashid, Badrulafzan Razali, Wirat Nom dan Adrian Victor, pemain pertahanan kebangsaan. KUKUM FT juga telah menurunkan kesebelasan terbaik antaranya Zulfatah Dzulkarnain, Che Husin Man Anas Effiendi, Mohd Sani dan sebagainya. Biarpun KUKUM FT rebah di tangan Kedah, pendedahan sebegini amatlah berguna dalam proses membina sebuah pasukan yang diiktiraf suatu hari nanti.